



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 10 Oktober 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Banjir: Keadaan Semakin Pulih, Mangsa Berkurangan Kepada 433 Di Johor</b>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/10/09/banjir-keadaan-semakin-pulih-mangsa-berkurangan-kepada-433-di-johor/">https://www.kosmo.com.my/2024/10/09/banjir-keadaan-semakin-pulih-mangsa-berkurangan-kepada-433-di-johor/</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/689931/edisi/johor/banjir-penduduk-terjejas-diarah-segera-pindah-patuh-arahan">https://www.sinarharian.com.my/article/689931/edisi/johor/banjir-penduduk-terjejas-diarah-segera-pindah-patuh-arahan</a>	Kosmo  Sinar Harian	Neutral
2.	<b>Penduduk Perlis Diingatkan Bersiap Sedia, Air Pasang Besar Cecah 3.7 Meter Dijangka Berlaku</b>  <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/penduduk-perlis-diingatkan-bersiap-sedia-air-pasang-besar-cecah-3-7-meter-dijangka-berlaku/">https://www.buletintv3.my/nasional/penduduk-perlis-diingatkan-bersiap-sedia-air-pasang-besar-cecah-3-7-meter-dijangka-berlaku/</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/690087/edisi/utara/air-pasang-besar-cecah-37-meter-dijangka-berlaku-di-perlis">https://www.sinarharian.com.my/article/690087/edisi/utara/air-pasang-besar-cecah-37-meter-dijangka-berlaku-di-perlis</a>  <a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1142470/jumlah-mangsa-banjir-di-kedah-perlis-meningkat">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/10/1142470/jumlah-mangsa-banjir-di-kedah-perlis-meningkat</a>  <a href="https://harakahdaily.net/index.php/2024/10/09/perlis-siap-siaga-gelombang-kedua-air-pasang-besar/">https://harakahdaily.net/index.php/2024/10/09/perlis-siap-siaga-gelombang-kedua-air-pasang-besar/</a>  <a href="https://thesun.my/malaysia-news/people-of-perlis-advised-to-be-alert-as-high-tide-phenomenon-looms-HC13110070#google_vignette">https://thesun.my/malaysia-news/people-of-perlis-advised-to-be-alert-as-high-tide-phenomenon-looms-HC13110070#google_vignette</a>	Buletin TV3  Sinar Harian  Harian Metro  Harakah Daily  The Sun	Neutral

3.	<p><b>Mangsa Banjir Kedah Terus Meningkatkan Cecah 3,581 Orang, 5 Sungai Lepasi Paras Bahaya</b></p> <p><a href="https://harapandaily.com/2024/10/10/mangsa-banjir-kedah-terus-meningkat-cecah-3581-orang-3-sungai-lepasi-paras-bahaya/">https://harapandaily.com/2024/10/10/mangsa-banjir-kedah-terus-meningkat-cecah-3581-orang-3-sungai-lepasi-paras-bahaya/</a></p>	Harapan Daily	Neutral
4.	<p><b>Kanak-Kanak Perempuan Hilang Ketika Ambil Makanan Di Kereta</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-perempuan-hilang-ketika-ambil-makanan-di-kereta-491093?utm_source=pulse-microsite&amp;utm_medium=berita-popular-chartbeat&amp;utm_campaign=20241010%20Pulse%20Berita%20Popular%20Chartbeat">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-perempuan-hilang-ketika-ambil-makanan-di-kereta-491093?utm_source=pulse-microsite&amp;utm_medium=berita-popular-chartbeat&amp;utm_campaign=20241010%20Pulse%20Berita%20Popular%20Chartbeat</a></p> <p><a href="https://selangorkini.my/2024/10/kanak-kanak-perempuan-hilang-ketika-ambil-makanan-di-kereta/">https://selangorkini.my/2024/10/kanak-kanak-perempuan-hilang-ketika-ambil-makanan-di-kereta/</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-perempuan-hilang-selepas-ambil-makanan-dari-kereta/">https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-perempuan-hilang-selepas-ambil-makanan-dari-kereta/</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kanak-kanak-12-tahun-hilang-ketika-ambil-makanan-di-kereta">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/kanak-kanak-12-tahun-hilang-ketika-ambil-makanan-di-kereta</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2349792">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2349792</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/690073/berita/semasa/budak-perempuan-hilang-ketika-ambil-makanan-di-kereta">https://www.sinarharian.com.my/article/690073/berita/semasa/budak-perempuan-hilang-ketika-ambil-makanan-di-kereta</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/budak-perempuan-darjah-6-hilang/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/budak-perempuan-darjah-6-hilang/</a></p>	Astro Awani  Selangor Kini  Buletin TV3  Berita RTM  Bernama  Sinar Harian  Utusan	Neutral
5.	<p><b>Ibu Tunggal Pasrah Jaga Anak Terlantar</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1142627/ibu-tunggal-pasrah-jaga-anak-terlantar#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1142627/ibu-tunggal-pasrah-jaga-anak-terlantar#google_vignette</a></p>	Harian Metro	Neutral

6.	<p><b>'Kehidupan Berubah Sejak Kelahiran Bayi Selepas Dirogol Bapa Kandung'</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kehidupan-berubah-sejak-kelahiran-bayi-selepas-dirogol-bapa-kandung/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kehidupan-berubah-sejak-kelahiran-bayi-selepas-dirogol-bapa-kandung/#google_vignette</a></p>	Utusan	Neutral
7.	<p><b>Kanser Payudara Wanita 40 Tahun Semakin Membimbangkan</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kanser-payudara-wanita-40-tahun-semakin-membimbangkan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/10/kanser-payudara-wanita-40-tahun-semakin-membimbangkan/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2349691">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2349691</a></p>	Utusan  Bernama	Neutral
8.	<p><b>Wanita Hilang Selepas Buang Sampah</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1142562/wanita-hilang-selepas-buang-sampah">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/10/1142562/wanita-hilang-selepas-buang-sampah</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/689944/berita/semasa-gadis-lembam-dilaporkan-hilang-selepas-buang-sampah-depan-rumah">https://www.sinarharian.com.my/article/689944/berita/semasa-gadis-lembam-dilaporkan-hilang-selepas-buang-sampah-depan-rumah</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1308644/gadis-20-tahun-hilang-ketika-keluar-buang-sampah-depan-rumah">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/10/1308644/gadis-20-tahun-hilang-ketika-keluar-buang-sampah-depan-rumah</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/10/09/gadis-hilang-selepas-keluar-buang-sampah/#google_vignette">https://malaysiagazette.com/2024/10/09/gadis-hilang-selepas-keluar-buang-sampah/#google_vignette</a></p>	Harian Metro  Sinar Harian  Berita Harian  Malaysia Gazette	Neutral

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## **BANJIR: KEADAAN SEMAKIN PULIH, MANGSA BERKURANGAN KEPADA 433 DI JOHOR**

PONTIAN – Keadaan banjir di negeri Johor menunjukkan trend semakin pulih apabila seramai 433 mangsa masih berlindung di empat buah pusat pemindahan sementara (PPS) sehingga pukul 8 malam ini.

Menurut data dikeluarkan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah mangsa menunjukkan penurunan berbanding 527 mangsa direkodkan pukul 8 pagi tadi.

Di Pontian, dua PPS masih beroperasi iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Anom dan SK Parit Markom yang menempatkan 366 mangsa terdiri daripada 108 keluarga.

Manakala di Batu Pahat, mangsa yang terjejas masih kekal kepada 17 orang yang berteduh di PPS SK Seri Bunut.

Daerah Kluang juga menunjukkan pengurangan ketara mangsa banjir yang terlibat apabila kini hanya 50 orang masih ditempatkan di PPS SK Sungai Linau. -KOSMO! ONLINE

## **PENDUDUK PERLIS DIINGATKAN BERSIAP SEDIA, AIR PASANG BESAR CECAH 3.7 METER DIJANGKA BERLAKU**

**KANGAR:** Penduduk di Perlis terutama bagi kawasan Kangar dan Arau diingatkan bersiap sedia untuk sebarang kemungkinan banjir besar, apabila dijangkakan berlaku fenomena air pasang besar mencecah paras 3.7 meter pada 16 dan 17 Okt.

Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis Datuk Che Murad Sayang Ramjan berkata penduduk perlu sentiasa peka dengan keadaan cuaca semasa dan tidak menunggu saat akhir untuk berpindah ke tempat lebih selamat atau pusat pemindahan sementara (PPS), jika keadaan semakin buruk.

“Paras air pasang ini dijangka mencecah 3.7 meter iaitu lebih tinggi berbanding paras 3.4 meter yang berlaku sebelum ini... (projek) lencongan banjir barat di Perlis banyak membantu mengurangkan impak banjir, namun masyarakat perlu lebih bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

“Kita akan terus memantau keadaan cuaca dan paras air dari semasa ke semasa, serta mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk melindungi penduduk Perlis daripada kesan banjir ini,” katanya di sini hari ini.

Che Murad Sayang berkata pihak kerajaan negeri telah bersiap siaga bagi menghadapi kemungkinan banjir lagi, sekiranya berlaku fenomena air pasang besar itu dan bantuan termasuk bekalan makanan bagi mangsa banjir juga telah disediakan.

“Lebih 7,000 anggota daripada pelbagai agensi akan digerakkan bagi bersiap sedia mengawal kawasan dan membantu mangsa terjejas. Antara agensi terlibat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM),” katanya.

Sementara itu, Pengarah JKM Perlis Ku Chik Ku Mat Esa dalam satu kenyataan memaklumkan seramai 687 mangsa banjir daripada 215 keluarga di Perlis, ditempatkan di enam PPS setakat pukul 6 petang ini.

Untuk rekod, Perlis juga pernah dilanda banjir pada pertengahan bulan lepas apabila PPS mula dibuka untuk menempatkan mangsa banjir pada 17 Sept malam, sebelum ditutup sepenuhnya pada 21 Sept.

## **KANAK-KANAK PEREMPUAN HILANG KETIKA AMBIL MAKANAN DI KERETA**



**SHAH ALAM:** Seorang kanak-kanak perempuan warga tempatan berumur 12 tahun dilaporkan hilang, selepas turun mengambil makanan daripada kereta yang diparkir di bawah kediamannya di sebuah flat di Bandar Bukit Tinggi 1 di Klang, petang semalam.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan ACP Cha Hoong Fong berkata pihaknya menerima laporan kejadian itu pada 8.59 malam semalam.

Beliau berkata siasatan awal mendapati kanak-kanak itu turun ke tempat parkir selepas disuruh ibunya, untuk mengambil makanan dalam kereta sekitar 2.20 petang.

"Kanak-kanak tersebut turun seorang diri dan tidak kembali ke rumah. Pada jam 3 petang, ibu mangsa bertindak mencari kanak-kanak itu bagaimanapun tidak menemuinya," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Susulan itu, Cha berkata ibu mangsa telah membuat laporan dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan dan membuka satu kertas enkuiri polis orang hilang bagi siasatan lanjut.

Beliau berkata kanak-kanak bernama Madrafataha Indal Bangsawan, digambarkan sebagai berbadan kurus, berkulit cerah, rambut di paras bahu serta berketinggian 150 sentimeter, dengan mangsa kali terakhir dilihat berpakaian baju t-shirt berwarna hijau serta berseluar 'track' hitam.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan diminta untuk menyalurkan terus kepada IPD Klang Selatan di talian 03-33762222 atau balai polis berhampiran.

## **IBU TUNGGAL PASRAH JAGA ANAK TERLANTAR**



Seremban: Impian seorang ibu tunggal bergantung hidup dengan anak sulungnya hanya tinggal harapan selepas lelaki terbabit menghidap penyakit dalam perut yang kronik.

Nor Atikah Alilis, 47, berkata, penyakit itu mula menyerang anaknya, Khairul Azam Abdullah, 29, sejak setahun lalu.

"Selepas diperiksa, doktor mengesahkan Khairul Azam menghidap penyakit radang pancreas dan jangkitan kuman pada usus yang agak kronik.

"Keadaan ini menyebabkan saya tidak boleh bekerja kerana perlu menjaganya setiap masa, cuma kami bergantung kepada anak kedua, Norsabrina Rosman, 26, yang bekerja di syarikat swasta dengan pendapatan cukup untuk makan sahaja," katanya.

Dia ditemui ketika menerima sumbangan daripada Pertubuhan Kebajikan Asnaf Setia Kasih Negeri Sembilan (PERKASIH N9) di rumah sewanya di Taman Seri Mambau, di sini, petang semalam.

Katanya, apa yang membimbangkan ialah sewa rumah sudah tertunggak empat bulan dengan kadar RM580 sebulan.

"Saya memahami jika diarah keluar dari rumah sewa tetapi berharap agar diberi sedikit masa lagi kerana anak saya masih terlantar sakit, sekurang-kurangnya selepas dia sembuh dulu.

"Kami masih perlu berulang-alik ke Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ) untuk temujanji dengan doktor pakar dan Khairul Azam sudah dua bulan tidak boleh makan kerana dia akan muntah kembali, malah lebih banyak dari yang dia makan," katanya.

Menurutnya, beberapa kali Khairul Azam terjatuh dalam bilik air akibat pitam dan yang terbaru dua hari lalu hinggakan dahinya benjol.

"Mungkin dia malu nak minta bantuan kerana dalam rumah hanya ada saya dan adik perempuannya menyebabkan dia berusaha sendiri ke tandas tanpa bantuan.

"Sudah saya beritahu kepadanya, kalau nak bergerak ke mana pun, saya atau adiknya akan bantu kerana bimbang kejadian buruk berlaku jika terjatuh di tempat yang bahaya," katanya.

Sementara itu, Pengerusi PERKASIH N9, Norfadilah Mansor berkata, pihaknya akan membawa masalah keluarga terbabit kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat agar mereka mendapat bantuan bulanan bagi meringankan beban yang ditanggung.